

## Berniaga sambil beramal

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM, Imran Razalle, berkata pihaknya gembira dengan keprihatinan ditunjukkan USIM dan berterima kasih kepada pemilik kafeteria yang menyediakan Menu Ihtimam.

"Bagi pihak pelajar, kami mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak termasuk korporat, orang persendirian dan jabatan kerajaan yang sudi menyumbang dalam apa sahaja aspek bagi meringankan beban pelajar," katanya.

Pemilik D'Sara Katering, Anisah Ibrahim, yang menguruskan ketiga-tiga kafeteria itu, berkata mereka tidak mengabaikan aspek kualiti walaupun menu tersebut dijual pada harga murah.

"Kami tekankan prinsip berniaga sambil beramal. Melalui Menu Ihtimam, kami menawarkan harga paling murah dan berpatutan kepada pelanggan dengan memastikan kualiti memenuhi cita rasa mereka," katanya.



Prof. Musa (kanan) melihat menu Ihtimam untuk hidangan makan tengah hari.

# USIM perkenal menu 'Ihtimam'

pelajar atau kakitangan yang terpaksa berlapar akibat masalah kewangan. Usaha ini menunjukkan keprihatinan universiti terhadap semua warga tanpa mengambilkira latar belakang mereka," katanya

dalam satu kenyataan di sini, baru-baru ini.

Katanya, warga USIM boleh menikmati menu berkenaan di Kafeteria Bangunan Canselori, Bangunan Hal Ehwal Pelajar serta Perpustakaan USIM.

Oleh Ifwan Tun Tuah  
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Dalam usaha membantu warga kampus mengurangkan kos sara hidup, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperkenalkan lima

menu sarapan dan makan tengah hari berbeza setiap hari, masing-masing serendah RM1.50 dan RM3.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata pelancaran menu bajet dikenali sebagai 'Menu Ihtimam' yang bermaksud prihatin itu, dibuat dengan kerjasama pengusaha kafeteria, untuk menjaga kebajikan warga USIM.

"Kita berharap tiada



Prof. Musa (tengah) bersama pengurusan USIM, kakitangan dan pelajar antarabangsa memotong pulut kuning sebagai simbolik pelancaran Menu Ihtimam.